NO SOALAN : 351

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD (SETIAWANGSA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

(a) apakah tindakan lanjut yang akan diambil berdasarkan siasatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan, dan Kewangan Kerajaan. Dimaklumkan, beberapa projek yang disiasat telah pun dilaporkan kepada SPRM; dan

(b) adakah Kementerian akan menyemak semula sistem perolehan untuk memastikan kesalahan anggota pentadbir tidak diulangi .

NO SOALAN : 351

JAWAPAN

Kementerian Pertahanan telah membuat laporan terhadap 2 daripada 16 projek *land swap* kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) pada 21 Februari 2019, manakala laporan bagi baki 14 projek *land swap* pula telah dibuat pada 16 Mei 2019 untuk siasatan lanjut pihak SPRM. Sehingga kini, Kementerian Pertahanan tidak dimaklumkan mengenai sebarang penemuan atau hasil siasatan oleh pihak SPRM berkaitan projek tersebut.

Kementerian Pertahanan juga telah membentangkan Laporan Akhir Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) kepada Dewan Negara pada 9 Mei 2019. Laporan akhir tersebut juga telah dimuat naik ke laman web Kementerian Pertahanan untuk bacaan umum pada tarikh yang sama.

Bagi semakan semula sistem perolehan kementerian, sukacita dimaklumkan penggubalan dasar, prinsip dan tatacara perolehan kerajaan adalah tertakluk sepenuhnya di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Kementerian Pertahanan akan memastikan agar kesemua prinsip dan tatacara perolehan kerajaan ini dipatuhi selaras dengan pekeliling semasa yang sedang berkuatkuasa.

Terima kasih.